


BERITA HARIAN

DATE: 10/09/2007

KL, Jakarta perlu elak perselisihan

BH-10/9/2007

Hubungan erat mampu selesai isu secara damai



Anwar Hussin
Makassar, Sulawesi

HUBUNGAN dua hala antara Malaysia dan Indonesia yang erat perlu dikekalkan dengan mengetepikan persepsi negatif dan tidak membiarkan apa jua isu mengeruhkan hubungan baik sedia ada.

Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abidin Zain, berkata kedua-dua negara yang pernah mengalami saat getir pada 1960-an apabila berlaku konfrontasi, menyelesaikan masalah itu dengan kesungguhan pemimpin untuk memantapkan hubungan.

Zainal berkata, hubungan baik antara pemimpin kedua-dua negara perlu diikuti dengan rakyatnya yang perlu menghormati sensitiviti masing-masing dan mengelakkan mengeluarkan tohmahan yang boleh memburukkan lagi keadaan.

"Kejadian ketua jurulatih karate dari Indonesia yang mendakwa dipukul anggota polis baru-baru ini, menyebabkan perasaan marah rakyat republik negara ini sehingga mereka menggelar rakyat Malaysia sebagai sombong.

"Keadaan juga agak tegang baru-baru ini, tetapi ia dapat diredakan

dengan permintaan maaf daripada Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata, Malaysia juga sudah mengambil langkah sewajarnya untuk menangani kes itu termasuk tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit.

Zainal berkata, media Indonesia juga membangkit isu layanan buruk pekerja negara itu di Malaysia.

Bagaimanapun, katanya hubungan ekonomi antara kedua-dua negara tidak pernah terjejas, malah pelaburan Malaysia ke Indonesia pada tahun lalu adalah sebanyak USD8 bilion (RM28 bilion), meningkat se-

“Hubungan baik antara pemimpin kedua-dua negara perlu diikuti dengan rakyatnya yang perlu menghormati sensitiviti masing-masing”

Zainal Abidin Zain
Duta Besar Malaysia ke Indonesia

banyak 13 peratus.

Katanya, kedua-dua negara sentiasa menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk perubatan, pelancongan, perdagangan dan pertukaran barang.

Beliau berkata, mengenai sektor pelancongan sepanjang tahun lalu, dianggarkan satu juta rakyat Indonesia melancong ke Malaysia.

"Mereka kumpulan ketiga terbesar melancong ke Malaysia selepas Thailand dan Singapura," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, akan menerima Ijazah Doktor Kehormat Causa daripada Universiti Hasanuddin (Unhas), hari ini.

Pengurniaan Ijazah Kehormat itu adalah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan serta jasa beliau dalam bidang ekonomi dan politik.

Malah, Perdana Menteri Malaysia kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, iaitu bapa Najib, juga pernah menerima anugerah sama dari universiti berkenaan terhadap sumbangannya kepada bangsa dan tanah air.

Anugerah sama pernah diberikan universiti itu kepada tokoh pejuang bangsa Afrika Selatan, Nelson Mandela sedikit masa lalu dan kepada bekas Presiden Republik Indonesia ke-3, Bacharuddin Jusuf Habibie (B.J Habibie) tahun lalu.